

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID  
[KEMAMAN]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk membantu pusat-pusat tahfiz yang tidak beroperasi ekoran masalah kewangan dan dana dalam tempoh pelaksanaan PKP 3.0.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik Covid-19 yang melanda dunia hari ini telah memberi impak yang besar kepada semua sektor termasuk sektor pendidikan. Justeru, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu kelangsungan pengoperasian institusi pendidikan di negara ini termasuk institusi tahfiz swasta yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri. Antaranya dengan memperkenalkan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi membolehkan institusi berkenaan terus dapat beroperasi dalam norma baharu. Sebelum itu, ingin saya jelaskan di dewan yang mulia ini bahawa berdasarkan maklumat yang

disahkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri, hakikatnya penutupan institusi tahfiz swasta berdaftar adalah hanya bersifat sementara bagi mematuhi arahan Kerajaan supaya rantai jangkitan wabak Covid-19 dapat diputuskan. Namun begitu, tidak dinafikan terdapat institusi yang tidak berdaftar yang berhadapan dengan kemerosotan sumber kewangan impak pandemik ini.

2. Pada tahun 2021, Kerajaan sekali lagi menyediakan peruntukan sebanyak RM100,000,000.00 secara *one-off* bagi tujuan selenggara dan naik taraf Institusi Pendidikan Islam di bawah penyelarasan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) merangkumi Sekolah Agama, institusi tahfiz dan pondok. Sehingga Ogos 2021, sebanyak RM60,000,000.00 telah disalurkan kepada 1,066 buah institusi yang layak dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM22,257,100.00 telah disalurkan kepada 413 buah institusi tahfiz di negeri-negeri seluruh negara. Kerajaan amat prihatin untuk membantu pengurusan dan pengoperasian institusi tahfiz yang terjejas. Untuk tujuan tersebut, kerajaan telah bersetuju untuk mengagihkan sebahagian daripada baki RM40,000,000.00 yang telah diterima oleh JAKIM pada 4 Oktober 2021.

3. Bagi bantuan jangka panjang, Kerajaan turut merancang untuk memberi kemahiran Tahfiz TVET kepada pengusaha dan murid tahfiz bagi membolehkan mereka menjana pendapatan sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan dan sumbangan kerajaan serta masyarakat, dalam memastikan institusi tahfiz di bawah kelolaan mereka terus dapat beroperasi.

Sekian, terima kasih.